

# PM diminta bubar Parlimen jika BERSATU terus desak minta jawatan TPM

BH- 14/7/2022  
m/s: 1

Oleh Mohamed Farid Noh  
dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempunyai pilihan untuk membubarkan Parlimen sekiranya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berterusan mendesak dalam soal pelantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Pada masa sama, Perdana

Menteri disaran supaya tidak melayani karenah kelompok pemimpin BERSATU yang terus-menerus menuntut dalam soal pelantikan TPM dan isu bilangan barisan dalam Kabinet yang dikatakan termaktub dalam perjanjian dimeterai antara Ismail Sabri dengan Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Saranan itu disuarakan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, bahawa selaku Naib Presiden yang kanan

dalam UMNO, Ismail Sabri lebih bijaksana dan mengetahui hakikat bahawa sebarang perjanjian dengan pihak lain mesti dirujuk kepada parti.

“Lagipun edah Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) sudah pun tiba. Jika ikhlas mahu stabilkan dan selesaikan masalah ekonomi yang membelenggu rakyat ketika ini, kembalikan mandat kepada rakyat.